



JABATAN PERKHIDMATAN KUARANTIN DAN PEMERIKSAAN MALAYSIA
[(Department of Malaysian Quarantine and Inspection Services (MAQIS))]
Aras 4, Menara 4G1, Wisma Tani, No.28, Persiaran Perdana, Presint 4,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, 62624 Putrajaya.



Telefon : 03-8870 8000

Faks : 03-8870 8004

Portal : <http://www.maqis.gov.my>

KENYATAAN MEDIA

MALUMBALAS BERHUBUNG KEPERLUAN PERMIT IMPORT DAN ESKPORT

PUTRAJAYA, 3 Mac 2022 – Merujuk kepada perkara di atas dan keputusan Mesyuarat *The Special Taskforce to Facilitate Business (PEMUDAH)* Bil 1/2022 pada Februari 2022.

Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (MAQIS) ingin memaklumkan bahawa keperluan permit untuk tumbuhan, haiwan, karkas, ikan, keluaran pertanian, tanah atau mikroorganisma yang diimport atau dieksport di semua pintu masuk/keluar negara di Semenanjung Malaysia dan WP Labuan hendaklah merujuk dan tertakluk kepada Perintah Kastam (Larangan Mengenai Import atau Eksport) 2017.

Sebagai makluman, Jabatan pada masa ini sedang dalam proses melaksanakan cadangan pindaan Perintah Kastam termasuk melalui proses *Regulatory Impact Analysis* (RIA) dan konsultasi awam di bawah *Malaysian Productivity Corporation* (MPC). Justeru sebarang perubahan dan arahan berhubung keperluan permit import dan eksport adalah tertakluk kepada pindaan terkini perintah tersebut setelah dikeluarkan melalui Warta Kerajaan Persekutuan.

Sekian, Terima Kasih.

Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (MAQIS)
Kementerian pertanian dan Industri Makanan (MAFI)
3 Mac 2022